



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## MAKLUM BALAS KEPADA KENYATAAN BERTAJUK “SURAT TERBUKA KEPADA YB FADILLAH YUSOF” DI THE MALAYSIAN INSIGHT BERTARIKH 3 JULAI 2022

Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil serius akan isu dan kenyataan yang dibangkitkan oleh wakil penduduk terlibat melalui laman sesawang The Malaysian Insight bertarikh 3 Julai 2022.

Untuk makluman, Cadangan Projek Petaling Jaya Dispersal Elevated Highway (PJD Link) telah mendapat kelulusan prinsip daripada Jemaah Menteri pada 12 November 2017, tertakluk kepada rundingan lanjut mengenai cadangan teknikal dan kewangan projek dan perjanjian konsesi telah ditandatangani pada 5 April 2022 dengan meletakkan syarat duluan supaya pihak syarikat melaksanakan Environmental Impact Assessment (EIA), Social Impact Assessment (SIA) dan Traffic Impact Assessment (TIA) terlebih dahulu sebelum perjanjian ini menjadi efektif dan projek boleh mula dibina.

Objektif utama PJD Link adalah untuk menyuraikan kesesakan trafik bagi kawasan Bandar raya Petaling Jaya dengan menyediakan sambungan-sambungan utama dengan jalan raya dan lebuh raya sedia ada. Projek ini melibatkan ketersambungan (connectivity) dengan 6 buah lebuh raya sedia ada dan 5 laluan rel utama bagi mencapai objektif untuk menyuraikan trafik.

Cadangan juga telah mengambil kira ketersambungan dengan sistem pengangkutan awam dengan sesi libat urus telah diadakan dengan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Cadangan projek ini juga telah mendapat kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri Selangor pada 3 September 2020 melalui mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES).

Mengambil kira input kebolehlaksanaan daripada agensi-agensi serta pihak berkuasa yang berkaitan, PJD Link telah disenaraikan sebagai projek lebuh raya berpotensi untuk dilaksanakan secara penswastan di dalam Highway Network Development Plan (HNDP) 2030 dan perancangannya telah diambil kira di dalam Rancangan Tempatan (RT) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
*MALAYSIA*

# KENYATAAN MEDIA

Akhir sekali, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak syarikat juga bersedia mengadakan sesi libat urus dengan persatuan penduduk dan para pemimpin tempatan terlibat bagi memberikan penerangan dan menjawab isu-isu yang mungkin berbangkit dari pelaksanaan projek ini.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**5 JULAI 2022**

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

 [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY)  [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY)  [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/KEMENTERIAN.KERJA.RAYA)  [KKR\\_MALAYSIA](https://www.instagram.com/KKR_MALAYSIA)  [@MOWORKS](https://twitter.com/MOWORKS)  [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/channel/UCdKvKvKvKvKvKvKvKvKvKv)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur